

17/08/2003

Dr Mahathir mahu generasi muda bijak nilai budaya, tradisi

Mahfar Ali

EZULWINI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat, terutama generasi muda, supaya bijak menilai budaya dan tradisi yang hendak dikekalkan dalam usaha mengimbangkan kemajuan dan identiti bangsa.

Perdana Menteri berkata, budaya mencerminkan identiti bangsa, tetapi masyarakat juga harus mengakui sesetengah amalan yang diwarisi, bukan saja tidak membantu malah boleh menghalang kemajuan negara.

"Kemajuan sudah tentu menjadi keutamaan kita dan untuk maju kita perlu lakukan beberapa perkara yang tidak terdapat dalam amalan tradisi kita," katanya pada sesi pertemuan dengan Club 29 yang mewakili profesional serta usahawan muda sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 di sini, semalam.

SAID-Global 2003 yang dirasmikan Raja Swaziland, Raja Mswati III, Rabu lalu, dihadiri lebih 800 perwakilan dari 16 negara termasuk sembilan ketua kerajaan dan negara - penyertaan terbesar sejak dialog perkongsian pintar itu diperkenalkan di Langkawi pada 1995.

Selain Dr Mahathir dan Raja Mswati III, dialog lima hari berakhir hari ini turut dihadiri Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, Presiden Botswana Festus G Mogae, Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano dan Presiden Ghana John A Kufour.

Pada sesi pertemuan dengan lebih 30 ahli Club 29 itu, Dr Mahathir menegaskan masyarakat tidak boleh mengetepikan kemajuan semata-mata kerana budaya melarang perkara tertentu dilakukan.

Sambil menyifatkan sikap itu sebagai negatif, Dr Mahathir memberi contoh di kebanyakan negara Asia, isteri dikehendaki patuh dengan suami, tetapi apakah isteri mesti terus bersama suami yang menghidap HIV/AIDS, sedangkan ia jelas boleh menyebabkan isteri dan anak-anak dijangkiti penyakit itu.

"Pada peringkat ini, apakah kita masih hendak mengekalkan budaya atau mengetepikannya," kata Perdana Menteri.

Berikutan itu, beliau berkata, masyarakat mesti membuat perubahan dan penilaian atau pendekatan baru dalam menangani isu berkenaan.

Dr Mahathir berkata, masyarakat kini juga berhadapan dengan serangan berterusan pelbagai budaya yang disebarkan menerusi internet, televisyen, video dan media.

Dulu, kata Perdana Menteri, masyarakat Asia terpengaruh dengan gaya rambut afro yang cukup popular.

"Ia popular kerana orang putih di Amerika berasa bersalah dengan perbuatan mereka terhadap masyarakat kulit hitam. Jadi mereka menggayakan rambut afro, kita pula ikut sedangkan kita tidak melakukan kesalahan terhadap orang kulit hitam," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengingatkan masyarakat terutama generasi muda supaya menilai dengan bijak budaya yang disogokkan Barat dan tidak mudah menerimanya tanpa memikirkan kesan negatif budaya itu.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis pelancaran buku, Hubungan Malaysia-Afrika, Mencari Matlamat Sama, Dr Mahathir menasihatkan negara Afrika supaya mengetepikan perbezaan fahaman dan pandangan bagi membina kekuatan dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Beliau berkata, era kerjasama multilateral kini semakin diketepikan dan negara membangun tidak mempunyai pilihan, kecuali bersatu menerusi penyertaan sebagai rakan dalam dialog perkongsian pintar.

Dialog itu, kata Dr Mahathir, membolehkan negara membangun berkongsi pengalaman dan pengetahuan untuk membangunkan negara masing-masing serta

bergerak seiring dalam menangani pelbagai isu antarabangsa.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan buku yang ditulis pensyarah pengajian Afrika di Universiti Malaya, Dr Hamidin Abdul Hamid, kepada Raja Mswati III.

Dr Mahathir yang disifatkan sebagai arkitek kemajuan Malaysia, juga diberi penghormatan dan penghargaan sebagai Fellow Kerjasama Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Perdana Menteri dan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menarik perhatian hadirin apabila menyanyikan lagu 'My Way'.

Pagi semalam, Dr Mahathir juga mengambil kesempatan mengadakan pertemuan dengan Raja Mswati III bagi membincangkan pelbagai isu membabitkan hubungan dua hala.

Ini adalah dialog perkongsian pintar terakhir yang disertai Dr Mahathir selaku Perdana Menteri berikutan persaraannya Oktober ini. Dialog itu yang diilhamkan Dr Mahathir, bermula di Langkawi pada 1995 sebelum diperluaskan ke Afrika menerusi SAID dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).